

Qalam

Majalah bulanan Melayu terbit tiap-tiap awal bulan Masihi.

Bilangan 19 – Jamadil Awal Februari 1952 – 60 sen

KESAN KEDATANGAN LITTLETON

Kedatangan Tuan Welber Littleton Setiausaha bagi jajahan takluk British ke mari pada bulan Disember tahun yang lalu itu tidaklah sigayanya tidak diperhati oleh kita orang-orang Melayu dan tidaklah kiranya kedatangannya itu hanya suatu lawatan yang biasa sahaja tetapi pandang dan perhatilah bahawa kedatangannya itu sudah tentu akan membawa dasar-dasar baharu atau dasar-dasar yang akan mengubah nasib kita orang-orang Melayu pada masa yang akan datang yang di dalamnya harus terjadi satu dasar yang tidak disedari nanti menyerahkan hak-hak orang Melayu kepada anak-anak dagang yang telah dikejar oleh mereka itu yang tidak putus-putusnya dari satu ke suatu masa.

Persekutuan Cina Malaya dengan berterang-terang telah menuntut persamaan hak dan menuntut supaya diadakan pasukan kawalan daripada orang-orang Cina (Home Guard), polis-polis minta dibawa dari Hong Kong yang semuanya ini dijadikan alasan oleh mereka bahawa dengan ketiadaan yang demikian itu maka darurat di Malaya ini tidak akan dapat ditamatkan – adakah perkataan ini sebagai ugutan atau tuntutan yang membawa faham bahawa kesusahan mendapat hasil mahsul yang berfaedah kepada kerajaan British akan tidak didapat dengan tidak ada bantuan dari orang-orang Cina?

Di sebalik itu orang-orang Melayu di Kelantan pula telah mendatangkan suatu tuntutan yang kita pandang ialah tuntutan yang hak iaitu kerajaan British hendaklah menyerahkan negeri Melayu ini kepada orang-orang Melayu dan memberhentikan memasukkan

orang-orang asing ke Tanah Melayu yang telah menjadi sebab kerosakkan dan menjadi suatu masalah yang sangat rumit yang dilakukan oleh pegawai-pegawai Duli Yang Maha Mulia Baginda King ke Semenanjung Tanah Melayu ini untuk membongkar kekayaan negeri ini dengan menjadi suatu akibat yang merosakkan kedudukan dan maslahat orang-orang Melayu sehingga keadaannya menjadi seperti hari ini.

Atas tuntutan orang-orang Melayu ini Tuan Littleton menyatakan bahawa adalah menjadi seperkara yang wajib memikirkan kedudukan dan hal ehwal anak-anak dagang di Malaya serta berjanji akan memberi jaminan untuk menyekat kemasukkan yang menumpah-numpah lagi ke Malaya.

Tetapi di sebalik itu dengan perasaan hairan dan takjub kita melihat di Singapura, Tuan Littleton telah membuat janji atau telah membuat akuan bahawa orang-orang Cina yang hendak mengambil kerakyatan British memadai dengan hanya mengetahui bahasanya sendiri, tidak mesti bahasa Inggeris yang menjadi salah satu syarat juga dalam kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu. Dalam masa menulis ini telah ada nama orang yang tidak tahu berbahasa Inggeris telah memasukkan permohonan untuk menjadi kerakyatan mengikut syarat yang diberi oleh Tuan Littleton itu bahkan Datuk Tan Cheng Lok telah menggalakkan mereka itu merebut peluang itu.

Syarat yang begini longgar dijalankan di Singapura. Sungguhpun Singapura sebuah kerajaan lain daripada Persekutuan Tanah Melayu tetapi keluar masuk ke Persekutuan Tanah Melayu siang dan malam terdedah sedang orang-orang yang memegang kerakyatan British di Singapura itu dengan sendirinya berhak di dalam Tanah Melayu dan dengan sebab itu tidakkah kelonggaran yang sedemikian menyentuh atau membawa suatu perbuatan yang akan menceburkan Tanah Melayu itu kepada suatu bah anak-anak dagang daripada bangsa Cina yang dari satu ke suatu masa membanjiri dan mendesak kehidupan dan kedudukan orang-orang Melayu? Tidakkah nanti mereka yang tidak dapat menjadi kerakyatan di Persekutuan Tanah Melayu akan menderu-deru tiba ke Singapura untuk mencari atau

mendapat kerakyatan itu kemudian balik ke Tanah Melayu dengan membawa sijil kerakyatan sebagai rakyat British?

Cakap-cakap telah pun timbul di dalam lingkungan orang-orang Melayu memandang bahawa akuan Tuan Littleton di Singapura itu adalah merbahaya kepada keselamatan orang-orang di Persekutuan Tanah Melayu dan dengan demikian maka sigilah perbuatan yang sedemikian ini di kalangan oleh orang-orang Melayu dengan tidak berlengah lagi sebab dalam masa Tuan Littleton masih di sini lagi permohonan-permohonan telah pun datang untuk menjadi kerakyatan mengikut syarat-syarat yang dilafzkannya yang telah disambut dengan sorak gembira dan senyuman oleh anak-anak dagang. Yang demikian ini dapatlah kita menelaah bahawa kedatangan Tuan Littleton ke Semenanjung Tanah Melayu bolehlah digambarkan sebagai tuah yang membawa bahagia kepada anak-anak dagang sedang bagi orang Melayu jeratannya semakin kuat dan semakin ketat terutamanya di dalam keadaan yang berjalan hari ini yang daripadanya bangsa sendiri ada yang redha menjadi perkakas kepada tujuan-tujuan mereka itu oleh kerana mencari faedah diri sendiri.

Di dalam kedudukan kita orang Melayu yang sebegitu kucar kacirnya, di dalam kedudukan kita orang Melayu yang tak dapat disatukan arahnya hari ini dengan kerana pecah persatuan mereka, hanya mereka terpingau-pingau menunggu saat, menunggu ketika bila mereka akan dapat bersatu di dalam persatuan yang kuat di dalam menjadikan perkataan mereka hanya sepatih sahaja tidak belah bagi.

Cita-cita hendak menamatkan darurat yang ada sekarang sememangnya cita-cita sekalian penduduk di Semenanjung ini tetapi di dalam menyampaikan tujuan dan cita-cita itu adalah menjadi seperkara yang tidak bijak sekiranya pihak yang mentadbirkan tujuan-tujuan itu mengangkat kepada sepihak yang lain dan membinasakan kepada sepihak yang lain lagi. Langkah-langkah itu samada terang jalannya ataupun berselindung – keadaannya sama yang akan berkesan kepada suatu perkara yang tidak baik. Disifatkan kepada bangsa Melayu itu nanti, menurut pandangan kita, sekiranya tidak di kawal dan diperhati ditakuti kelak menjadikan sebahagian orang-orang Melayu menyertai

pengganas-pengganas kerana tidak puas hati dan kerana memandang diri satu ke suatu masa tiap-tiap langkah yang dijalankan.

Tiap-tiap perbuatan yang dilakukan kepada mereka itu, menurut fahaman mereka, manis diluar, pahit di dalamnya. Bahkan dengan tempatnya berbagi-bagi cara dan kaedah telah pun dijalankan berdikit-dikit untuk mengambil dan meruntuhkan hak orang-orang Melayu di dalam negerinya sendiri.

Segala kejadian-kejadian yang telah berlaku dan dilakukan terutamanya sesudah Jepun dihalaui daripada Malaya segala dasar yang dijalankan itu, menurut pandangan dan fikiran kita, corak-coraknya tidak lain dan tidak bukan semata-mata ditujukan atas suatu dasar “pecah-pecahkan kemudian perintah” dan dengan dasar yang demikian itulah nanti akan menjadi suatu peristiwa di Malaya ini sebagai Palestin yang kedua. Keadaan ini tidak dapat dielak dan barang kali tidak ada seorang pun yang dapat menepikan melihat keadaan di kampung-kampung yang berjalan hari ini yang corak-coraknya sememangnya telah ada terutamanya parut yang telah terjadi dan berlaku dalam masa sebelum pendaratan angkatan pihak Berikat di Semenanjung Tanah Melayu ini.

Harus tidak seorang yang dapat menepikan bahawa dengan tujuan menyatukan suatu rupa bangsa tidak itu akan dapat memadamkan perasaan itu. Pada masa itu harus tidak ada seorang penganjur pun yang akan dapat memadamkan persaan-persaan orang Melayu itu terutamanya apabila telah naik perasaan “mengamuk” yang ada kepada mereka meruap untuk mencari kepuasan hati mereka. Jika terjadi segala perkara-perkara yang tidak kita ke mari itu maka pada masa itukah akan difikirkan dan akan dicari jalan untuk memujuk perasaan dan hati orang-orang Melayu? Adakah pada masa setelah pupus segala harapan untuk mendapat hasil daripada negeri Melayu baru hendak mengurus bahu orang Melayu? Inilah soal-soal yang patut diperhati dan dipandang dengan saksama oleh pegawai-pegawai Duli Yang Maha Mulia Baginda King sekiranya pegawai-pegawai itu memegang dasar mencari kerjasama dan perhubungan terbaik-baik orang-orang Melayu kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda King.

Di dalam semua yang kita sebutkan ini adalah sebagai suatu telahan dan sangkaan yang berdasar kepada tabiat dan kedudukan orang-orang Melayu dan yang akan menentukannya ialah masa dan ketika jua adanya.

-----*-----*-----

MUSTAHAK DIPERHATI

Suatu gambar yang menggambarkan umat Islam di Singapura khasnya telah ditunjukkan di Singapura ini hampir kepada tiga minggu lamanya yang di dalamnya ada menunjukkan suatu riwayat yang dikatakan sebagai riwayat Nabi Daud yang disifatkan dan dipandang oleh orang-orang Islam sebagai suatu gambar yang menghina kepada Islam, yang menyentuh dan menyakitkan hati orang Islam oleh sebab dalam gambar itu ada membayangkan suatu perkara yang menghina dan boleh dipandang sebagai suatu perbuatan zina pada hal menurut keyakinan dan kepercayaan orang Islam yang demikian itu tidak akan terjadi dan tidak boleh terjadi kepada seorang Nabi yang maksum dan Nabi yang dipercayai sebagai suatu kepercayaan menyempurnakan rukun iman seorang Islam.

Kita mendapat tahu bantahan-bantahan telah didatangkan kepada kerajaan oleh orang-orang Islam di sini dan Jami'ah Al-Dakwah Al-Islamiah telah menghantarkan beberapa orang wakil berjumpa kepada Setiausaha Kerajaan Singapura menuntut supaya gambar itu segera diberhentikan daripada ditunjukkan kepada ramai kerana ia adalah membangkitkan perasaan dan hati orang-orang Islam umumnya di negeri ini. Dikatakan juga bahawa Setiausaha Kerajaan telah menyatakan kepada wakil-wakil yang tersebut bahawa bantahan itu datangnya tidak daripada orang Islam yang bersatu kerana kononnya Setiausaha Kerajaan telah bertanya kepada dua orang "ahli" Majlis Islam penasihat kerajaan dan dua orang "penganjur" Islam tentang perkara ini yang menyatakan bahawa tidak ada pun sesuatu yang bersalahan atau yang boleh merosakkan perasaan orang Islam dan dengan kerana itu maka oleh sebab gambar itu sudah pun berjalan lama dan hampir tamat pertunjukannya (pada masa itu) maka biarlah sahaja dengan memberi suatu akuan

gembira itu tidak akan ditunjukkan di Singapura lagi.

Kemudian Majlis Islam penasihat kerajaan dalam mesyuaratnya pada 8 Januari 1952 telah memutuskan menuntut kerajaan menahan gambar yang tersebut daripada ditunjukkan kepada ramai. Dua hari kemudian dikhabarkan bahawa gambar itu ditahan setelah 17 hari ditunjukkan – sekianlah keterangan yang kita dapati tentang apa yang terjadi di dalam perkara gambar itu.

Daripada apa yang tersebut ini kita boleh memandang bahawa bantahan-bantahan yang didatangkan oleh orang-orang Islam atas sesuatu perkara yang mengenai kehormatan dan taraf orang-orang Islam yang terhina itu tempatnya selalu diperkecil-kecilkan dan dengan kerana memperkecil-kecilkan itulah sebagaimana yang telah berlaku di dalam perkara Nadrah dahulu menjadikan tidak puas hati itu berkembang kepada kebencian yang besar tertanam terhadap pihak pentadbiran sekalipun perkara itu telah hilang tetapi parutnya tidak akan hilang untuk selama-lamanya yang lain tidak nampak disebabkan oleh kerana tidak mengambil endah di dalam perkara yang sengaja diperkecil-kecilkan atau dipandang kecil jua.

Di dalam kejadian yang lalu orang-orang Islam umumnya mengetahui bahawa dengan kerana perbuatan-perbuatan mereka yang dipandang oleh kerajaan sebagai "penganjur" dengan kerana pandainya mereka bermuka-muka kepada kerajaan itu membuat sesuatu pendapatannya hanya mengikut fahamnya sendiri sahaja dengan tidak menyelidiki perasaan orang-orang Islam itulah yang menjadi sebab terbit bencana sebelas hari bulan Disember 1950 dahulu. Ini sebagai suatu contoh bahawa pihak pertadbiran mesti mengingat bahawa sesuatu perkara yang mengenai keimanan dan keyakinan orang-orang Islam itu, di dalam keadaan darurat yang sekarang ini, hendaklah dihalusi dengan saksama dan ditepis dengan sebegitu cermat supaya perhubungan di antara orang-orang Islam dengan kerajaan itu umumnya tidaklah akan rosak oleh sebab sekalipun perkara itu berlaku di Singapura tapi dengan sendirinya perasaan yang tidak menyedapkan hati itu atau dipandang oleh orang-orang Islam menghina itu akan merebak ke Tanah Melayu di dalam mana tenaga dan usaha tiap-tiap seorang Islam